

‘Beri peruntukan saksama semua bandar di 13 negeri’

Seri Paduka titah pembangunan ekonomi seimbang mampu kurangkan penghijrahan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menzahirkan harapan perhatian dan peruntukan dibahagikan secara saksama kepada semua bandar di 13 negeri seluruh Malaysia.

Seri Paduka Baginda bertitah, sekiranya semua negeri dapat dibangunkan bersama, penghijrahan penduduk ke pusat bandar raya dapat dikurangkan dan kesesakan akan lebih terkawal.

“Pembangunan ekonomi di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah membuka banyak peluang pekerjaan dan menyebabkan penghijrahan penduduk dari negeri lain ke kawasan Wilayah Persekutuan.

“Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa bangunkan infrastruktur awam yang lebih cekap untuk mengatasi kesesakan jalan raya dan memenuhi keperluan penduduk bandar raya ini yang semakin padat.

“Persoalannya adakah kerana wilayah ini ditadbir secara terus oleh kerajaan Persekutuan, banyak peruntukan pembangunan ditumpukan kepada tiga wilayah ini sahaja?” titah Seri Paduka Baginda.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian pada Titah Diraja sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2024 di Istana Negara di sini, semalam.


Turut berangkat pada istiadat itu adalah Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.

Dalam titah sama, baginda memberi peringatan bahawa baginda memikul amanah Raja-Raja Melayu untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Tamat tempoh ‘bulan madu’

Sehubungan itu, titah Seri Paduka sebaik sahaja selesai tempoh ‘bulan madu’, baginda akan melaksanakan cara pemerintahan yang sebenarnya.

“Saya bukan patung untuk disembah atau dijadikan perhinaan pada majlis atau dipaksa mengikut segala kata dan ke-



Sultan Ibrahim berkenan bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2024 di Istana Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

hendak menteri.

“Kurang dari dua minggu lagi, akan genap dua bulan saya memegang tampuk ketua negara.

“Apabila habis tempoh bulan madu ini...saya akan mulakan cara pemerintahan saya yang sebenar,” titah baginda.

Sultan Ibrahim turut menyeru Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memantau kebersihan, selain mengingatkan seluruh rakyat supaya tidak sesuka hati membuang sampah merata-rata.

“Semua orang tahu yang saya suka memandu sendiri kereta saya, jadi saya dapat melihat dengan jelas keadaan jalan raya dan kawasan sekitarnya. Apa yang saya nampak masih ada beberapa tempat di Kuala Lumpur ini yang kebersihannya kurang memuaskan.

“Kerajaan saya bukan kerajaan pungut sampah. Kepada penguat kuasa, jalankanlah tanggungjawab dengan jujur, ikhlas dan amanah,” titah baginda.

Pada istiadat berkenaan, Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 33 individu, ter-

masuk Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Bersempena Ramadan, Seri Paduka Baginda turut berpesan kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya tidak membazir apabila berbelanja untuk juadah berbuka puasa dan ketika membuat persiapan Aidilfitri kelak.

“Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam

“Janganlah membazir kerana pembaziran itu adalah sifat keji yang akan mencacatkan keberkatan dalam bulan Ramadan,” titah Seri Paduka Baginda.

BERNAMA